



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: BERITA HARIAN	MUKA SURAT	: 7
TARIKH	: 5/1/2019		
JABATAN	: SPAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

BEKALAN AIR DI SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA

## Air Selangor pengendali tunggal mulai 1 April

**Putrajaya:** Bermula 1 April ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan beroperasi sebagai pengendali tunggal perkhidmatan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Isa susulan selesainya proses penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri itu melalui perjanjian tamabahan ketiga kepada perjanjian utama penstrukturan semula industri yang ditandatangani di sini, semalam.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bersetuju untuk menyediakan kemudahan pembiayaan berjumlah RM1.9 bilion bagi membantu Air Selangor mengambil alih Syarikat

Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH).

"Tiada lagi penangguhan dan saya tidak rasa ada halangan kerana semuanya sudah selesai, jumlah pembiayaan dipersetujui dan mendapat kelulusan kabinet untuk PAAB membeli aset SPLASH dan memajukannya semula kepada Air Selangor."

"Semua kerja selesai dan mendapat kelulusan. Kita hanya perlu melalui proses mewujudkan model perniagaan dan ditandatangani, sebelum aset diserahkan kepada Air Selangor sebelum 1 April," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata melalui persefahaman dan kerja erat antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, Air Selangor berjaya melaksanakan tang-

gungjawab menerusi perjanjian utama yang ditandatangani pada 2014.

Isa membolehkan pengambilalihan keempat-empat syarikat konsepsi iaitu Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB), Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS), Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan SPLASH.

### Air Selangor rancang CAPEX RM30 bilion

Dengan muktamadnya penstrukturan itu, katanya, Air Selangor merancang perbelanjaan bagi kerja modal (CAPEX) sebanyak RM30 bilion untuk tempoh 30 tahun bermula tahun ini bagi meningkatkan sistem perkhidmatan air kepada penduduk Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Program bagi pelaburan CAPEX ini adalah berlandaskan pelan stra-

tegik operasi yang dirangka bagi memenuhi keperluan semasa akan datang.

"Perancangan bagi memuktamadkan penstrukturan perkhidmatan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bukanlah sesuatu yang mudah dan sudah bermula sejak 2007," katanya.

Proses penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor tertangguh sejak sekian lama dan kegagalan kerajaan negeri dalam perjanjian Persekutuan di bawah pertadbiran Barisan Nasional (BN) mencapai kata sepakat berkaitan nilai tawaran pengambilalihan SPLASH.

Pengambilalihan SPLASH dimuktamadkan pada 3 Ogos tahun lalu, manakala pengambilalihan PNSB, SYABAS dan ABASS dilaksanakan sejak penghujung 2015.

Perjanjian tambahan ketiga kepada perjanjian utama itu ditandatangani Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Tan Yew Chong mewakili Kerajaan Persekutuan; Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya mewakili kerajaan negeri; Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaini Kamaralzaman dan Pemanjku Ketua Pegawai Eksekutif PAAB, Abdul Hadi Ali.

Terdahulu, Xavier dalam ucapannya berkata, Air Selangor kini akan beroperasi secara ringkas dan tidak dibebankan dengan tanggungjawab mendapatkan pembiayaan bagi membangunkan aset air, sebaliknya menyewa aset air daripada PAAB dengan membayar sewa pajakan pada kadar yang kompetitif.